




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2018**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**


**HARI RABU : 14 MAC 2018**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.8, NO.12 HINGGA NO.63 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



SOALAN NO: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 14 MAC 2018

SOALAN:

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lambakan pekerja asing yang wujud sekarang sedang menyebabkan pengangguran di kalangan B40 kita sambil menekan gaji pekerja di sektor bukan formal ke paras 70% gaji minima.

PR-1361-L04601

3,

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar Kerajaan adalah memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.
2. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan majikan diberikan pertimbangan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.
3. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu dalam 7 sektor formal iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan perlombongan dan pengkuarian dan perkhidmatan [(sub sektor restoran (tukang masak), pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, kedi dan urut kaki)], pengendalian kargo (pelabuhan dan lapangan terbang) dan

pembantu taman tema haiwan serta satu sektor informal iaitu perkhidmatan domestik.

4. Selain itu, untuk memastikan penggajian pekerja asing tidak melebihi 15% sepertimana sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara untuk memasuki pasaran kerja seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja dan memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iii) menetapkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan (kelapa sawit), keluasan tanah 8 hektar untuk 1 pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk 1 pekerja. Manakala,

5.

untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam sub sektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja warganegara bagi 1 pekerja asing;

- (iv) pelaksanaan Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017 yang menuntut supaya majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula daripada peringkat kemasukan, penggajian sehingga penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal; dan
- (v) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara.



SOALAN NO.: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]  
TARIKH : 14 Mac 2018  
SOALAN : 12**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan doktor pakar di negara ini. Apakah cara yang baik untuk memenuhi keperluan.

**Tuan Yang di- Pertua,**

Bagi tempoh 2012 hingga 31 Januari 2018, terdapat peningkatan sebanyak 43.38% bagi bilangan doktor pakar yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu daripada 3,380 orang pada tahun 2012 kepada 4,843 orang sehingga Januari 2018. Manakala bilangan doktor pakar dalam pelbagai bidang kepakaran/ subkepakaran di seluruh negara yang berdaftar dengan *National Specialist Register* (dengan izin) sehingga Disember 2017 adalah seramai 9,632 orang. Walaubagaimanapun, negara ini masih memerlukan penambahan doktor pakar bagi menampung keperluan negara dan menjamin penyampaian perkhidmatan kesihatan Rakyat dengan lebih berkesan.

7

Dalam hubungan ini, inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan bilangan doktor pakar di KKM dan seterusnya seluruh negara seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program Sarjana Kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015;
- (ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi Pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel;
- (iii) Melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (iv) Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (v) Menggalakkan perkongsian perkhidmatan kepakaran di fasiliti awam dan swasta; dan
- (vi) Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

SOALAN NO: 13

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**[ SETIAWANGSA ]**  
**TARIKH** : **RABU, 14 MAC 2018**  
**RUJUKAN** : **L10 [PR-1361-L05504]**  
**SOALAN** :

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah terkini bas sekolah percuma yang ada di Kuala Lumpur, berapakah jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

9

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, Program Bantuan Perkhidmatan Bas Sekolah Percuma kepada pelajar-pelajar yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR)/Perumahan Awam (PA) bermula pada awal tahun 2017 yang lalu dan telah mendapat maklumbalas yang positif dari ibu bapa serta pelajar yang menghuni di PPR/PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Ini kerana program tersebut telah membantu ibu bapa/waris mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung untuk menyara anak ke sekolah di samping mengurangkan masalah keciciran pelajar (ponteng) ke sekolah.

Setelah melihat keberkesanan program pada tahun lalu, maka Kementerian meneruskan usaha murni pelaksanaannya pada tahun 2018 dan dijangka akan disambung lagi untuk tahun berikutnya.

Dalam Program Bantuan Perkhidmatan Bas Sekolah Percuma, DBKL menggunakan sebanyak 87 buah bas dan 68 buah van yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PUSPAKOM.

Sehingga Februari 2018, seramai 8,613 pelajar dari PA/PPR DBKL telah mendapat perkhidmatan ini dan permohonan masih dibuka sekiranya ada pelajar-pelajar yang masih belum mendaftar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 14.3.2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) keberkesanannya pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) setakat ini dan jumlah sekolah dan pelajar yang terlibat dalam program ini untuk tahun 2018 mengikut kategori sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah Tamil bagi sekolah rendah; dan
- (b) menjelaskan kewajaran untuk menggunakan buku teks Bahasa Inggeris dari negara asing bagi sekolah rendah dan sekolah menengah, walaupun kandungannya kurang sesuai untuk konteks Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 2017, pemantauan pencapaian murid Program Dwibahasa (DLP) dibuat melalui dua fasa. Fasa 1 melibatkan perbandingan antara pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris akhir tahun 2016 (*Take-off Value*) dengan pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun 2017 (*Operational Targeted*

11

*Results: OTR*). Hasilnya, seramai 36.28 peratus murid sekolah rendah menunjukkan peningkatan dalam keputusan Bahasa Inggeris manakala untuk sekolah menengah 46.44 peratus murid telah menunjukkan peningkatan.

Fasa 2 melibatkan perbandingan antara pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun (*OTR*) dengan peperiksaan akhir tahun (*Expected Targeted Result: ETR*) bagi mengesan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk tahun semasa. Hasil daripada perbandingan tersebut, didapati seramai 55.82 peratus murid sekolah rendah dan 57.23 peratus murid sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam peringkat awal menjajarkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) seperti yang digariskan dalam *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*. KPM mengambil keputusan untuk memilih buku-buku terbitan luar negara kerana mengambil kira kesukaran dan ketiadaan buku teks bahasa Inggeris terbitan tempatan yang sejajar dengan CEFR.

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH

TARIKH: 13 MAC 2018

SOALAN:

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

- a) jumlah pekerja asing di negara ini yang terlibat dalam sektor pemberi perkhidmatan keselamatan dan sektor pemberi khidmat restoran dan perhotelan; dan
- b) jumlah penganggur di negara ini serta usaha Kerajaan untuk menangani perkara ini.

PR-1361-L05384

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan rekod pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga 28 Februari 2018, seramai 65,860 orang pekerja asing telah dikeluarkan PLKS untuk bekerja dalam sub-sektor restoran, seramai 1,535 pekerja asing bekerja dalam sub-sektor hotel dan seramai 30,326 orang dikeluarkan PLKS untuk bekerja dalam sub-sektor kawalan keselamatan.
  
2. Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran suku tahun keempat 2017 mencatatkan kadar 3.4%, lebih rendah berbanding 3.5% bagi tempoh sama 2016. Senario kadar pengangguran di bawah 4.0% ini menunjukkan negara berada pada tahap guna tenaga penuh (*full employment*).
  
3. Kementerian ini telah menubuhkan Pusat *JobsMalaysia* (JMC) berteraskan kepada program Perkhidmatan Pekerjaan Dalam Masyarakat (*Community Employment Support Services*). JMC yang ditubuhkan adalah berasaskan konsep pendekatan kemanusiaan (*human touch*) dan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan setempat yang menyediakan perkhidmatan serta kemudahan berkaitan pekerjaan kepada warganegara Malaysia. Di samping itu, penubuhan



21 JMC juga bertujuan untuk memperkukuhkan prasarana dan jentera perkhidmatan kerajaan dalam memperkayakan peluang pekerjaan dan memperkasakan kumpulan sasar di pelbagai peringkat di dalam dan di luar pasaran buruh.

4. JobsMalaysia atau Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan adalah di bawah kelolaan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia yang diwujudkan bagi meningkatkan mobilisasi tenaga kerja negara dan untuk memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan dengan penganjuran program penempatan Pekerjaan bagi membantu seluruh golongan pencari kerja mendapatkan peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 14 MAC 2018 [RABU]**

**SOALAN :**

**TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pendirian Kerajaan tentang Resolusi Kesatuan Eropah (EU) terhadap larangan mengimport minyak sawit dari Malaysia menjelang 2021. Apakah langkah-langkah dan/atau tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah yang bakal timbul akibat larangan pengimportan kelapa sawit ke Negara Kesatuan Eropah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Kesatuan Eropah pada 30 November 2016 telah mencadangkan pindaan ke atas teks (dengan izin) *European Union Renewable Energy Directive (Directive 2009/28/EC) for 2021 to 2030 (EU RED II)*. Pindaan EU RED II ini termasuklah cadangan agar sekurang-kurangnya 27% daripada sumber tenaga pada tahun 2030 adalah daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumbangan daripada biobahan api, biojisim dan bahan api biojisim yang digunakan dalam pengangkutan, jika dihasilkan daripada tanaman makanan, dikurangkan kepada 3.8% pada tahun 2030 (dari had semasa 7%).

Walaupun, Parlimen Eropah pada 17 Januari 2018 telah meluluskan pindaan draf teks EU RED II yang berbeza daripada apa telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Kesatuan Eropah pada 30 November 2016 tersebut. Parlimen Eropah telah mencadangkan agar biobahan api berasaskan sawit diharamkan (*ban*) sepenuhnya dalam sektor pengangkutan di Kesatuan Eropah (EU) mulai 2021.

Memandangkan isu sawit ini adalah penting kepada negara, saya akan mengambil sedikit masa untuk menjelaskannya kepada Dewan yang mulia ini. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri sawit negara merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negara dimana ia menyumbang 4.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Bagi tahun 2017, eksport minyak sawit dan produk-produk sawit bernilai RM77.8 billion iaitu 8.3% dari jumlah eksport negara.

17

Manakala, eksport minyak sawit dan produk-produk sawit ke Eropah mencecah RM11.03 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Kesan kepada Negara dan Industri Sawit**

Malaysia berpandangan bahawa cadangan Parlimen Eropah untuk mengharamkan biobahan api sawit akan menjadi perangkap kemiskinan bagi 650,000 pekebun kecil di Malaysia serta lebih 3 juta rakyat Malaysia yang bergantung kepada industri sawit sebagai sumber pendapatan mereka. Tindakan ini juga adalah tidak adil, seumpama *crop apartheid*, dan merupakan satu bentuk diskriminasi perdagangan dan pelanggaran komitmen di bawah Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (*World Trade Organisation - WTO*).

Sebarang langkah bagi menghadkan eksport minyak sawit oleh EU akan memberi kesan langsung kepada perdagangan minyak sawit Malaysia ke EU. Secara purata, EU mengimport antara 7 hingga 7.4 juta tan minyak sawit bagi tempoh 3 tahun yang lalu. Pada tahun 2017, Malaysia menyumbang sebanyak 29.4% daripada import minyak sawit ke Kesatuan Eropah.

Kesan daripada cadangan pindaan EU RED II terhadap industri minyak sawit di Malaysia pada masa ini adalah terhad kepada jumlah minyak sawit yang dieksport ke EU sebagai bahan mentah untuk biobahan api. Dari itu, dianggarkan sebanyak 807,000 tan digunakan sebagai bahan mentah untuk biobahan api bagi tahun 2017.

## **Status Semasa Cadangan Pindaan EU RED II**

Susulan daripada cadangan pindaan EU RED II oleh Parlimen Eropah tersebut, perkara ini akan seterusnya dibincangkan di sesi mesyuarat *Trilogue* di antara Parlimen Eropah, *Council of the EU* dan Suruhanjaya Eropah selaku urus setia. Sesi mesyuarat *Trilogue* telah bermula pada 27 Februari 2018 dan dijangka sebanyak 3 sesi *Trilogue* lagi akan diadakan sehingga akhir bulan Mei 2018. Sekiranya ketiga-tiga pihak ini bersetuju dengan cadangan pindaan EU RED II, maka pindaan ini akan diangkat untuk bacaan kedua di Parlimen Eropah sebelum diluluskan serta dikuatkuasakan sebagai peraturan EU.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Langkah-langkah Strategik Yang Telah diambil**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk menghadapi cadangan pindaan EU RED II tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah rundingan dua-hala dengan negara-negara individu Kesatuan Eropah serta perkongsian data dan maklumat berhubung industri minyak sawit kepada semua pemegang taruh.

Dalam hubungan ini, saya telah mengetuai delegasi Malaysia untuk mengadakan Misi Ekonomi dan Promosi ke negara Sepanyol, Belgium, Jerman, United Kingdom, Itali dan Poland di mana saya telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri serta wakil Menteri yang bertanggungjawab bagi tenaga, pertanian dan perdagangan serta dengan wakil industri negara-negara tersebut. Selain itu, perbincangan

telah diadakan dengan Pesuruhjaya EU dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Eropah serta pertemuan dengan Ahli Parlimen, Duta Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit serta Wakil Tetap Bulgaria ke EU.

Dalam mesyuarat dan pertemuan tersebut, saya telah memaklumkan mengenai pendirian negara dan kesan cadangan pindaan EU RED II tersebut ke atas 650,000 pekebun kecil sawit negara dan lebih kurang 3 juta rakyat Malaysia lain yang bergantung kepada industri minyak sawit negara.

Hasil perbincangan tersebut, didapati kebanyakan negara-negara Kesatuan Eropah yang dilawati ini berpandangan bahawa cadangan pindaan EU RED II tersebut adalah bersifat diskriminasi ke atas minyak sawit dan bertentangan dengan peraturan-peraturan Kesatuan Perdagangan Dunia (WTO). Pada masa yang sama, negara-negara tersebut telah memberi komitmen untuk memastikan bahawa layanan yang sama akan diberi ke atas minyak sawit di Kesatuan Eropah seperti minyak sayuran yang lain di pasaran.

Perbincangan yang telah diadakan ini akan diteruskan melalui *Malaysia-EU Working Group* di Brussels, Belgium dan Jawatankuasa Khas Ekonomi Teknikal Sawit Malaysia-Eropah. Kedua-dua Jawatankuasa ini akan terus berbincang serta mengemukakan cadangan penyelesaian secara "*win-win*" bagi kedua-dua pihak.

Selain itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan lain telah mengambil beberapa tindakan susulan bagi menangani cadangan pindaan EU RED II.

Ini termasuklah:

- i. penubuhan Urusetia *Palm Oil War Room* (POWR) di MPIC bagi memantau dan merangka tindakan strategik negara;
- ii. penghantaran surat rasmi dari YAB Perdana Menteri kepada Presiden Majlis Eropah dan penghantaran surat rasmi berhubung pendirian negara ke atas tindakan Parlimen Eropah yang akan menjejaskan perdagangan minyak sawit serta hubungan dua hala Malaysia kepada Menteri-Menteri Tenaga/Pengangkutan/Alam Sekitar di kesemua 28 negara-negara Kesatuan Eropah;
- iii. *engagement* yang berterusan oleh Duta-Duta Malaysia di negara tersebut di EU; dan
- iv. usaha berterusan untuk mengatasi persepsi negatif pengguna terhadap minyak sawit melalui media massa seperti menerusi program bual bicara, seminar, pengiklanan, media sosial dan blog.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, Malaysia pada masa ini sedang bekerjasama dengan pelbagai negara seperti berikut:

- i. Indonesia di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk menangani cadangan pindaan EU RED II tersebut;
- ii. negara-negara ASEAN yang lain melalui mesyuarat-mesyuarat peringkat ASEAN;

- iii. negara-negara kumpulan *Friends of Palm Oil* di peringkat WTO;  
dan
- iv. kumpulan negara-negara pengeluar minyak sawit di Brussels, Belgium.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia akan terus menggunakan saluran diplomatik untuk menyelesaikan isu ini. Walaubagaimanapun, sekiranya cadangan pindaan EU RED II ini tidak memihak kepada Malaysia, Malaysia bersedia untuk mengambil tindakan balas terhadap EU, termasuklah menghadkan pembelian barangan tertentu dari EU. Saya ingin menegaskan bahawa pada masa ini, tiada cadangan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara EU.

Dengan ini, saya berharap Ahli-Ahli Dewan akan lebih memahami mengenai cadangan pindaan draf teks EU RED II oleh Parlimen Eropah serta tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN  
BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 14.3.2018 (RABU)**

**SOALAN : 17**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah proaktif kementerian dalam memastikan tenaga pengajar Tabika KEMAS mencapai sasaran sekurang-kurangnya berkelulusan diploma pendidikan awal kanak-kanak menjelang 2020 serta adakah terdapat cadangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak khususnya bagi generasi Transformasi Nasional (TN50).

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW melalui KEMAS dalam usaha untuk memastikan semua tenaga pengajar Tabika KEMAS memiliki sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak menjelang tahun 2020, telah mengambil langkah proaktif seperti berikut :

- (i) Meningkatkan profesionalisme Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS melalui program Kursus Dalam Cuti (KDC) di peringkat Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Ini dilaksanakan dengan mengadakan kerjasama atau NBOS bersama pusat pengajian tinggi awam dan swasta seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kolej KETENGAH dan Kolej KOPEDA. Sehingga kini seramai 4,737 Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS telah memperolehi Diploma masing-masing dan seramai 216 orang sedang mengikuti pengajian.;

- (ii) Menyasarkan sekurang-kurangnya 400 orang tenaga pengajar akan menyambung pengajian pada tahap diploma pada setiap tahun bermula 2017 sehingga 2020; dan
- (iii) Membuat penetapan syarat pengambilan tenaga pengajar baru Tabika KEMAS kepada mereka yang mempunyai kelayakan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak sahaja. Ini selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyatakan guru prasekolah di Malaysia memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Sehingga kini jumlah Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS yang mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah seramai **6,736** orang daripada 10,957 orang Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS di seluruh negara.

KEMAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, KEMAS telah merangka strategi bagi memastikan kelestarian kualiti

25

dan peranan Tabika KEMAS sentiasa relevan dengan arus perdana sistem pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini serta menjadikan Tabika KEMAS sebagai pilihan utama ibubapa.

Selain menggunakan Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KEMAS juga telah memberi nilai tambah kepada silibus pembelajaran sedia ada dengan merangka tiga (3) modul iaitu Penghayatan Pendidikan Islam (PPI); Pemupukan Semangat Patriotik; dan Modul Keyakinan Diri.

Hasrat KEMAS ini juga selari dengan Pelan Transformasi Luar Bandar dibawah Fokus Ke-5 iaitu meningkatkan pembangunan modul insan yang cemerlang ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui Transformasi Ke-10 iaitu menambahbaik silibus pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Keperluan pendidikan pada masa akan datang pastinya lebih mencabar dan pembangunan modal insan mengikut keperluan semasa perlu dibentuk sejak awal lagi kerana ternyata dunia akan jauh lebih berbeza dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Oleh itu, KEMAS telah merangka strategi jangka panjang melalui Pelaksanaan Dialog TN50 pada 8 Jun 2017 supaya KEMAS kekal relevan sebagai nadi kepada pembangunan masyarakat. Dialog TN50 yang bertemakan "Transformasi Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS" telah berjaya mengumpul sebanyak 29 aspirasi dan ianya akan diperhalusi sebagai input kepada pengubalan dokumen visi dan dasar TN50 Kerajaan secara amnya dan khususnya bagi memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak di KEMAS.

Aspirasi berkenaan telah mengambilkira aspek-aspek pemupukan nilai-murni dan jati diri kanak-kanak, pemeraksanaan urus tadbir, persekitaran pusat pendidikan awal kanak-kanak yang kondusif dan dinamik serta penggunaan teknologi tinggi.

27

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 14 MAC 2018

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan dan kerangka pelaksanaan TVET untuk melahirkan pekerja mahir dapat dicapai.

PR-1361-L04701

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. YAB Perdana Menteri pada 27 September 2017 telah mengumumkan Penjenamaan TVET Malaysia. Ia kemudiannya disusuli dengan pengumuman Bajet 2018 yang berjumlah hampir RM4.9 bilion bagi meningkatkan kapasiti pelaksanaan TVET di Malaysia yang merangkumi tujuh (7) Kementerian utama. Ia kemudiannya diterjemahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan TVET Malaysia Peringkat Menteri Bil. 1/2018 yang telah diadakan pada 16 Januari 2018. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan telah dihadiri oleh Menteri & Timbalan Menteri daripada tujuh (7) kementerian utama TVET yang berkaitan. Empat (4) kertas pembentangan telah dibentangkan pada Mesyuarat peringkat Menteri iaitu:

- (i) Terma Rujukan Penubuhan Jawatankuasa TVET Malaysia;
- (ii) Lanskap dan Hala Tuju TVET Malaysia;
- (iii) Terma Rujukan Kajian Pelan Induk TVET Malaysia; dan
- (iv) Peranan Malaysia *Board of Technologists* (MBOT) dalam Memperkasakan TVET Malaysia.

2. Penyelarasan di peringkat tujuh (7) kementerian utama ini akan sentiasa memastikan supaya pelaksanaan TVET Malaysia sentiasa relevan dan mengikut kehendak persekitaran ekonomi semasa.

29.

3. Dalam usaha untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai peneraju Pembangunan Kemahiran Negara, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah menyediakan Pelan Strategik JTM yang komprehensif bagi tempoh 2016 hingga 2020. Ia bertujuan bagi merealisasikan sasaran 35% pembangunan tenaga mahir negara yang produktif menjelang tahun 2020 dan seterusnya mendukung pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia.

4. Terdapat lima (5) pelan strategik yang telah digariskan iaitu:

- (i) membangunkan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif,
- (ii) meningkatkan kualiti latihan,
- (iii) memperkukuhkan jaringan dengan industri,
- (iv) memastikan pekerjaan dan kebolehkerjaan; dan
- (v) pengukuhan imej dan persepsi.

5. Bagi melahirkan pekerja mahir yang kompetitif, JTM telah melaksanakan program persijilan secara *Single Tier* bermula Julai 2012. Iaitu, pelajar mengambil persijilan hingga tahap 3 berbanding persijilan hingga tahap 2 sebelum ini.



SOALAN NO.: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris**  
**[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat Bin Idris** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kaedah bantuan yang ada bagi membina jalan-jalan ladang di kawasan DUN Inanam khususnya yang melibatkan kawasan pekebun-pekebun kecil.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) di bawah Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (MPIC) dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil komoditi bagi memudahkan para pekebun menghantar hasil komoditi segera ke pusat-pusat pemprosesan agar memperolehi pendapatan yang berpatutan. Bentuk bantuan yang diberikan adalah membina jalan baru, menaiktaraf jalan sedia ada, penyelenggaraan, pembinaan pembentung dan parit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini MPIC memberi keutamaan kepada pekebun kecil komoditi di kawasan yang tidak mempunyai akses jalan masuk dan kepada pekebun di bawah seliaan agensi-agensi MPIC memandangkan peruntukan yang diberikan adalah sangat terhad. MPIC sedia menimbang permohonan sekiranya ada terdapat kawasan pekebun kecil komoditi di DUN Inanam.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 20****MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**KAWASAN : LANANG**  
**TARIKH : 14 MAC 2018, RABU**

**SOALAN:**

**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina 'flyover' di Sibu di kawasan yang kesesakan lalu lintas semakin serius dan apakah perancangan Kerajaan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di Sibu setakat ini.

33

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya melibatkan hanya kepada Jalan Persekutuan seluruh negara. Mengenai cadangan projek untuk membina *flyover* di Sibu, sekiranya melibatkan jalan-jalan Persekutuan, didapati cadangan ini tiada dalam senarai permohonan keutamaan Negeri buat masa ini. Sehubungan itu, Kementerian ini bersedia menerima cadangan dari pihak Negeri sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf dalam permohonan Rolling Plan RMKe-11 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

## SOALAN (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2018  
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]

SOALAN :

**YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah transformasi dalam menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat dan tindakan dalam memudahkan proses pembelian rumah di negara ini yang dilihat agak rumit dan kadangkala memakan masa sehingga bertahun khususnya dalam pembelian rumah kategori *secondary market* atau *subsale*.

35

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan isu-isu perumahan mampu milik dapat diselesaikan dan rakyat mempunyai keupayaan untuk memiliki rumah yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dasar serta program-program perumahan atau pembiayaan perumahan sedia ada yang ditawarkan oleh pihak Kementerian dan beberapa agensi Kerajaan kepada rakyat sentiasa ditambahbaik dan tetap diteruskan demi kesejahteraan rakyat seperti:

- (i) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- (iii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit);
- (iv) Rumah Transit 1Malaysia (RT1M);
- (v) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- (vi) Rumah Transit Belia (MyTransit);
- (vii) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); dan

(viii) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan lain turut mempunyai program perumahan mampu milik masing-masing seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Kementerian Pertahanan (MINDEF), dan juga Kementerian Pertanian (MOA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan turut mengkaji kaedah-kaedah lain berimpak tinggi untuk dilaksanakan sebagai penyelesaian kepada isu perumahan mampu milik untuk kesejahteraan rakyat. Antaranya adalah :

- (i) Mewujudkan bank tanah di peringkat Kerajaan Negeri;
- (ii) Mewujudkan *green lane* bagi memberi keutamaan proses kelulusan Kebenaran Merancang di *One Stop Centre*, Pihak Berkuasa Tempatan;

- (iii) Mewujudkan tabung pembiayaan perumahan Rumah Mampu Milik (RMM); dan
- (iv) Mewujudkan *levy stamp duty* kepada pembeli asing.
- (v) Mengurangkan kadar faedah bagi pinjaman perumahan; dan
- (vi) Mengkaji semula kos utiliti (pembentungan, bekalan air, elektrik dll).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan isu pemilikan rumah *secondary market* atau *subsale*, Kerajaan lebih memfokuskan pembelian rumah baharu memandangkan nilai rumah *secondary market* kebiasaannya lebih tinggi dan harga dipengaruhi oleh pemilik atau institusi kewangan pembiaya yang dicagarkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018



**SOALAN NO: 22**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
KAWASAN : SIBU  
TARIKH : 14 MAC 2018, RABU**

**SOALAN:**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah pembinaan Pan Borneo Highway. Mengapa berlakunya begitu banyak kemalangan dan aduan tentang keadaan jalan Pan Borneo Yang begitu teruk kebelakangan ini dan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat mengambil berat akan aduan berhubung keadaan jalan dan insiden kemalangan di sepanjang jajaran Lebuhraya Pan Borneo. Bagi menambahbaik aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya Lebuhraya Pan Borneo khususnya semasa fasa pembinaan, Kementerian telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Mengarahkan Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*) dan *Work Package Contractor (WPC)* untuk:
  - Menambahbaik Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan – TMP*)
  - Menggiatkan lagi kerja-kerja pembaikan di jajaran sedia ada khususnya tampalan *pot hole* dan menurap semula jalan yang rosak; dan
  - Mengambil tindakan segera ke atas sebarang aduan dan pertanyaan pengguna jalan raya
2. Pemeriksaan berkala dan penambahbaikan berdasarkan laporan *Road and Safety Audit (RSA)*;
3. Menggiatkan lagi sesi *engagement* dan kempen keselamatan jalan raya dengan penglibatan pelbagai agensi dan orang ramai; dan
4. Pemantauan berterusan oleh agensi teknikal dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan prosedur dan garis panduan.

Sekian, terima kasih.